

# **ANALISIS PERBEZAAN TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP 1BESTARINET DARI ASPEK TAHAP PENDIDIKAN , PENGALAMAN MENGAJAR DAN BIDANG PENGAJARAN**

(Hasmadi Bin Hassan, Fatimah Binti Abdul Rashid)  
Universiti Malaysia Pahang  
[atiefatimah123@gmail.com](mailto:atiefatimah123@gmail.com)

## **Abstrak**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan perubahan seperti yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Fokus utama anjakan adalah untuk memastikan sistem pendidikan yang berkualiti iaitu setiap anjakan perlu memberi impak kepada sekurang-kurangnya satu daripada lima keberhasilan sistem iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan (KPM, 2013). Anjakan ke tujuh dalam pelan ini menekankan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menjamin kualiti pembelajaran di Malaysia. Oleh itu, pihak KPM telah bertindak secara proaktif dengan memperkenakan satu platform maya yang dikenali sebagai VLE 1BestariNet (Virtual Learning Environment 1BestariNet). Satu kajian dijalankan bagi mengetahui tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi. Seramai 655 orang guru dalam negeri Pahang diambil sebagai responden kajian. Mereka terdiri daripada guru yang merupakan pengguna aktif dan pasif VLE1BestariNet. Data dipungut menerusi borang soal selidik dan dianalisis secara kuantitatif. Hasil kajian mendapati tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Kerjasama daripada semua pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan daerah (PPDD), pihak sekolah, serta badan-badan bukan kerajaan amat digalakkan agar penggunaan VLE1BestariNet dapat digunakan semaksima mungkin.

*(Kata Kunci: VLE1BestariNet, Yeoh Tiong Lay Network , YTL network, Persekitaran Pembelajaran Maya , Virtual Learning Environmen, kesediaan, Sikap Kepenggunaan Komputer, Literasi komputer, Fasiliti Komputer dan Akses teknologi)*

## **Abstract**

The Malaysian Education Development Plan (2013-2025) has identified 11 shifts to bring about changes as intended by all Malaysians. The main focus of the shift is to ensure that a quality education system, each shift should impact at least one of the five system successes - access, quality, equity, unity and efficiency (KPM, 2013). The 7th shift in this plan emphasizes the use of ICT in teaching and learning to ensure the quality of learning in Malaysia. Therefore, KPM has acted proactively by introducing a virtual platform known as VLE1BestariNet. In relation, a study was conducted to determine the level of readiness of teachers in Pahang State towards VLE1BestariNet in terms of attitudes, literacy, facilities and access to technology. A total of 655 teachers in Pahang were taken as respondents for the study. They consisted of teachers who are active and passive users of VLE1BestariNet. The data was collected through a questionnaire and analyzed quantitatively. The results showed that the level of readiness of teachers in Pahang to VLE1BestariNet in terms of attitudes, literacy, facilities and access to technology as a whole was at a high level. Cooperation from all parties such as the Ministry, State Education Department, District Education Department, school authorities, and non-governmental organizations is needed for the maximum use of VLE1BestariNet.

(Keywords: VLE1BestariNet, Yeoh Tiong Lay Network , YTL network , Virtual Learning Environment, Readiness, Computer Usage Attitudes, Computer Literacy, Computer Facility and Technology Access )

## PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dilihat dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk melonjakkan kualiti pendidikan Malaysia ke peringkat antarabangsa dengan penglibatan semua merangkumi guru, kemudahan pendidikan, pembangunan kurikulum, pembangunan dan kemahiran berfikir pelajar. Pihak KPM juga telah menggunakan pakar-piawai antarabangsa sebagai kaedah pengukuran.

VLE (*Virtual Learning Environment*) merupakan satu platform berasaskan web yang direka untuk menyokong guru-guru dalam mengurus proses pembelajaran pelajar secara maya (dalam talian). Ianya terdiri daripada "peralatan komunikasi" seperti e-mel, ruang forum, sudut perbincangan, dan alat untuk menyusun pentadbiran proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, VLE juga boleh digunakan sebagai alat penilaian pelajar seperti ujian dan kuiz secara dalam talian, serta sebagai medium penyebaran maklumat kepada pelajar (Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop 2016; Termit & Noorma, 2015; The JISC infoNet Service, 2006). VLE1BestariNet juga ada kalanya dirujuk sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System-LMS*), *e-learning*, *Massive Open Online Course (MOOC)* atau *Modular Object-Oriented Dynamic Learning Environment (MOODLE)*. Oleh itu, penggunaan VLE telah meluas melalui proses pembelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi. Namun begitu persekitaran pembelajaran maya-VLE 1BestariNet adalah platform yang masih baharu dan penerimaan serta pelaksanaannya di sekolah-sekolah Malaysia masih menjadi persoalan utama kepada kejayaan pelaksanaan Projek 1BestariNet; Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2013). Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop (2016).

Teori Pembelajaran Kognitif Multimedia menyatakan bahawa verbal akan lebih mudah diingati jika disertai dengan imej visual. Menurut teori ini murid lebih mudah memindahkan pembelajaran mereka melalui arahan multimedia yang memberi kesan kepada kognitif (*Cognitive Theory of Multimedia Learning*) (Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid, 2016; Azuriana, 2014). Hal ini secara tidak langsung dapat membantu proses kefahaman murid tersebut terhadap pengajaran yang disampaikan melalui pembelajaran persekitaran maya. Melalui penggunaan VLE 1BestariNet, guru banyak menggunakan elemen multimedia dan pembelajaran maya dalam pengajarannya. Oleh itu, aplikasi ini dapat memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kognitif pelajar untuk menjadi lebih berfikiran kreatif dan kritis lagi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengintegrasian teknologi web (ICT) dalam proses pembelajaran pelajar, diyakini mampu membawa kesan positif kepada pencapaian pelajar (Pettward, (2011); Songkram, (2015); Abdulahi, NorHidayati, & Elmi, (2012). Kepelbagaian kaedah dan penggunaan teknologi dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran mampu menggalakkan penyertaan aktif para pelajar dan dijangka mampu meningkatkan keberhasilan, pencapaian dan matlamat pembelajaran pelajar (Mohd Azli & Abdul Latif, (2012); Manakala Mohd Azli, Wong, & Goh, (2016); Mohd Azli, Wong & Noraini, (2016); Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop, (2016) menyatakan bahawa proses pembelajaran menggunakan pendekatan pembelajaran teradun (termasuk penggunaan platform VLE

1BestariNet) merupakan satu pendekatan yang berupaya untuk menangani keperluan kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar dalam menghasilkan impak positif kepada kemahiran pelajar. Namun kelebihan pendekatan pembelajaran ini masih gagal menarik perhatian guru menggunakan VLE 1BestariNet sebagai platform pembelajaran pelajar di sekolah. Maka atas dasar inilah menyebabkan penyelidik ingin menghasilkan penulisan ilmiah ini berdasarkan kajian terhadap penerimaan dan pelaksanaan VLE 1BestariNet di sekolah.

## **MASALAH KAJIAN**

Langkah kerajaan dalam memperkukuhkan sistem pendidikan seperti meluaskan jaringan komunikasi murid bertaraf dunia dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran maya VLE 1BestariNet dilihat sangat tepat pada masanya. Namun begitu, tanpa kesediaan yang secukupnya kebaikan yang ada dalam VLE 1BestariNet tidak dapat dilihat dan merugikan. Hal ini kerana ia melibatkan kos dan kepakaran yang tinggi.

Namun, mengikut laporan Ketua Audit Negara siri 3, (2013), pelaksanaan VLE 1BestariNet adalah gagal untuk mencapai matamat seperti yang diharapkan. Ukuran bagi mengetahui pelaksanaan penggunaan VLE1BestariNet ini diukur berdasarkan tahap penggunaan dan bilangan log masuk ke platform VLE 1BestariNet. Kebanyakan guru tidak menggunakan platform dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mereka. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk mengetahui tahap kesediaan guru terhadap penggunaan VLE1BestariNet dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi.

Usaha pihak kerajaan dalam memartabatkan sistem pendidikan di Malaysia melalui persekitaran pembelajaran maya VLE 1BestariNet tidak akan memberi manfaat malah merugikan tanpa ada penglibatan aktif daripada pihak guru. Tanpa kesediaan daripada pihak guru, maka pelaksanaan VLE1BestariNet sukar untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, satu kajian awal perlu dilakukan bagi mengetahui tahap kesediaan guru dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi terhadap penggunaan VLE1BestariNet.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Matlamat umum kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet dalam kalangan guru di negeri Pahang. Antara objektif khusus kajian pula ialah:

- i) Mengukur tahap kesediaan guru di negeri Pahang dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi terhadap penggunaan VLE 1BestariNet.
- (ii) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor tahap pendidikan , pengalaman mengajar dan bidang pengajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Rekabentuk Kajian***

Kajian ini merupakan kajian penerokaan deskriptif yang bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti tahap sikap guru terhadap penggunaan VLE1BestariNet. Kaedah penyelidikannya adalah bersifat kuantitatif.

### ***Populasi dan sampel***

Populasi kajian merangkumi seluruh guru dalam negeri yang berjumlah 26054 orang guru yang mana sampel kajian pula terdiri daripada semua daerah dalam negeri Pahang. Persampelan rawak kelompok digunakan dalam kajian ini iaitu seramai 655 orang guru dan melibatkan 55 sekolah dalam 11 daerah di negeri Pahang.

### ***Instrumen kajian***

Instrumentasi soal selidik digunakan bagi mendapatkan data kajian. Ia dijalankan menerusi edaran borang soal selidik secara manual. Kajian ini menggunakan soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu 13 soalan dalam Bahagian A : Demografi guru, manakala 38 soalan dalam Bahagian B, C dan D berdasarkan skala likert 5 mata yang mempunyai 5 tahap permorkatan: 1 untuk sangat tidak bersetuju (STS), 2 untuk tidak setuju (TS), 3 untuk tidak pasti, 4 untuk setuju (S) dan 5 untuk sangat bersetuju (SS). Soal selidik ini dibangunkan berdasarkan faktor penerimaan dan kepenggunaan teknologi baru yang dikemukakan oleh David et. al (1989) menerusi Technology Acceptance Model. Analisis data dijalankan secara kuantitatif menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferential.

## **HASIL KAJIAN**

### **Demografi**

Hasil kajian mendapati seramai 655 orang responden telah menjawab dan memulangkan semula instrumentasi soal selidik yang telah dikemukakan. Seramai 543 orang (82.9%) mempunyai latar belakang tahap pendidikan di peringkat sarjana muda, sarjana 66 orang (10.1%), diploma 45 orang (6.9%) dan PhD seorang (0.2%). Manakala seramai 192 orang responden merupakan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 5 hingga 10 tahun (29.3%), 11 hingga 15 tahun adalah 168 orang ( 25.6%), 21 tahun ke atas 119 orang (18.2%) dan 16 hingga 20 tahun 108 orang (16.5%). Kajian ini juga mendapati bahawa seramai 248 orang (37.9%) responden merupakan guru yang mengajar bidang bahasa, 169 (25.8%) orang bidang sains dan matematik, 145 (22.1%) bidang kemanusiaan dan 93 (14.2%) orang dalam bidang teknik dan vokasional.

### ***Tahap Kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet Dari Aspek Sikap, Literasi, Fasiliti dan Akses Teknologi***

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, didapati tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet dari aspek sikap dan literasi adalah tinggi dengan nilai min bersamaan 4.14 dan 3.73 masing-masing. Manakala tahap pengetahuan yang berdasarkan dari aspek fasiliti dan akses teknologi pula berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min masing-masing bersamaan 3.19 dan 3.40. Nilai min keseluruhan tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet adalah pada tahap yang tinggi, iaitu dengan nilai min bersamaan 4.0.

Jadual 1: Tahap Kesediaan Guru Di Negeri Pahang Terhadap Vle1bestarinet Dari Aspek Sikap, Literasi, Fasiliti Dan Akses Teknologi.

<b>Tahap guru terhadap VLE1BestariNet</b>	<b>Kesediaan terhadap Rendah (Mean 1.00 – 2.33)</b>	<b>Sederhana (Mean 2.34 – 3.67)</b>	<b>Tinggi (Mean 2.68-5.00)</b>
<i>Sikap</i>			4.14
<i>Literasi</i>			3.73
<i>Fasiliti</i>		3.19	
<i>Akses Teknologi</i>		3.40	
<b>Keseluruhan</b>			4.0

Terdapat tiga hipotesis null bagi kajian ini, antaranya ialah ;

1. *Hipotesis null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor tahap pendidikan .*
2. *Hipotesis null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor pengalaman mengajar.*
3. *Hipotesis null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor bidang pengajaran.*

### **Analisis Hipotesis**

*Hipotesis null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor tahap pendidikan .*

Berdasarkan jadual 2 di bawah, didapati nilai  $p = 0.005$  adalah lebih kecil berbanding aras keertian  $\alpha = 0.05$ . Oleh yang demikian, hipotesis null kajian ini ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Hal ini menggambarkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan tahap pendidikan

Jadual 2 : Analisis Perbezaan Anova bagi tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor tahap pendidikan

<b>Anova</b>					
	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean</i>	<i>F</i>	<i>Significant</i>
<i>Between Group</i>	3.707	3	1.236	4.325	0.005
<i>Within Group</i>	186.006	651	0.286		
<b>Total</b>	<b>189.713</b>	<b>654</b>			

$\alpha = 0.05$

*Hipotesis null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor pengalaman mengajar*

Berdasarkan jadual 3 di bawah, didapati nilai  $p = 0.023$  adalah lebih kecil berbanding aras keertian  $\alpha = 0.05$ . Oleh yang demikian, hipotesis null kajian ini ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Hal ini menggambarkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

Jadual 3 : Analisis Perbezaan Anova bagi tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor pengalaman mengajar

<b>Anova</b>					
	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean</i>	<i>F</i>	<i>Significant</i>
<i>Between Group</i>	3.277	4	0.819	2.857	0.023
<i>Within Group</i>	186.006	650	0.287		
<b>Total</b>	<b>189.713</b>	<b>654</b>			

$\alpha = 0.05$

*Hipotesis null : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor bidang pengajaran*

Berdasarkan jadual 4 di bawah, didapati nilai  $p = 0.125$  adalah lebih besar berbanding aras keertian  $\alpha = 0.05$ . Oleh yang demikian, hipotesis null kajian ini diterima. Ini menggambarkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor bidang pengajaran.

Jadual 4 : Analisis Perbezaan Anova bagi tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor pengalaman bidang pengajaran

<b>Anova</b>					
	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean</i>	<i>F</i>	<i>Significant</i>
<i>Between Group</i>	<i>1.664</i>	<i>3</i>	<i>0.555</i>	<i>1.920</i>	<i>0.125</i>
<i>Within Group</i>	<i>188.049</i>	<i>651</i>	<i>0.289</i>		
<b><i>Total</i></b>	<b><i>189.713</i></b>	<b><i>654</i></b>			

$\alpha = 0.05$

## KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap VLE1BestariNet adalah tinggi. Berdasarkan aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi didapati guru sudah bersedia untuk menghadapi perubahan dalam PdPc mereka sealiran dengan ledakan teknologi hari ini. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor tahap pendidikan. Malah, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor pengalaman mengajar. Namun, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru terhadap VLE1BestariNet berdasarkan faktor bidang pengajaran.

Menurut Noor Erma Binti Abu & Leong Kwan Eu (2014); Bloom (1956); sikap meliputi tiga komponen yang utama iaitu afektif, perilaku dan kognisi. Komponen afektif merangkumi emosi positif dan negatif individu terhadap sesuatu iaitu bagaimana perasaan seseorang terhadapnya. Komponen perilaku pula terdiri daripada kecenderungan atau bertujuan untuk bertindak pada tingkah laku tertentu yang berkait dengan sikap kita. Manakala komponen kognisi merujuk kepada kepercayaan dan pemikiran yang dipegang oleh seseorang terhadap sesuatu objek. Ketiga-tiga komponen dalam sikap ini saling berhubungan dan seterusnya berfungsi dalam pembentukan dan pemantapan sikap individu. Kajian ini turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar guru terhadap penggunaan VLE1BestariNet. Menurut Syed Kamaruzaman; 2018; Goodwin (1999) guru yang berpengalaman mengajar akan dapat menyumbang kepada pengajaran yang berkesan. Bagi guru yang telah lama mengajar sudah tentu mempunyai pengalaman dalam merancang pengajaran berbanding dengan guru yang baru mengajar. Tetapi bagi guru yang baru tamat pengajian di universiti atau di institusi pendidikan guru pula biasanya mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi untuk mengajar dan sudah pasti mereka akan membuat perancangan dengan rapi sebelum mengajar di dalam kelas. Kajian ini disokong oleh Mahizer & Mohd Ali, 2016; Bailey et al., 2015; Lim & Hwa, (2015) bahawa dalam usaha menjayakan penggunaan VLE sebagai platform pembelajaran, aktiviti pembelajaran adalah amat bergantung kepada pedagogi, pengalaman pembelajaran, dan sumber pembelajaran yang digunakan.



Dalam cabaran dunia pendidikan, ICT memerlukan penglibatan aktif dalam kalangan guru untuk menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disokong oleh Siti Hajar Halili & Suguneswary,(2016); Esah, (2003); dalam kajiannya merumuskan bahawa golongan guru dikehendaki menguasai kemahiran ICT dalam proses pengajaran. Justeru, perkembangan ICT telah mengubah evolusi proses pengajaran dan pembelajaran daripada kaedah tradisi kepada kaedah yang lebih canggih. Menurut Siti Hajar Halili & Suguneswary, (2016); Melvina dan Jamaludin, (2010); negara yang sedang membangun memerlukan lebih ramai guru yang mempunyai pengkhususan dalam bidang ICT. Latihan pendidikan guru juga memerlukan perubahan paradigma bagi melahirkan guru-guru yang berkelayakan dan berkebolehan untuk mendidik dan membangunkan masyarakat dan negara. Dapatan daripada kajian oleh Ummu Salma Mohiddin & Fariza Khalid (2014) terhadap Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Rendah dalam Penggunaan VLE 1BestariNet untuk PdPc mendapati hanya 2% menyatakan hampir setiap kali menggunakan VLE1BestariNet. Pengetahuan yang kurang menyebabkan guru tidak berminat untuk menggunakan VLE 1BestariNet dalam proses PdPc. Pernyataan ini disokong oleh Othman dan Lukman (2008) Ummu Salma Mohiddin & Fariza Khalid (2014) minat merupakan satu sifat afektif berfungsi untuk mendorong guru-guru ke arah membudayakan penggunaan ICT khususnya berkaitan dengan tugas mengajar. Minat terhadap ICT juga seterusnya akan meningkatkan kesediaan guru-guru untuk memajukan diri sendiri serta mengubah sikap ke arah yang lebih positif.

Kelengkapan infrastruktur fizikal seperti komputer, rangkaian internet, perisian dan perkakasan yang mencukupi bagi mengimplementasikan kepimpinan teknologi di sekolah adalah amat diperlukan dalam penerapan VLE1BestariNet di sekolah. Elemen ini dikemukakan oleh Anderson dan Dexter,(2005); Noraini Binti Abdullah, Hamidon Bin Khalid, Prof. Madya Mohd. Izham Bin Mohd. Hamzah, (2015) mereka berpendirian bahawa infrastruktur merupakan faktor penting dalam mengintegrasikan ICT di sekolah. Siti Hajar Halili & Suguneswary,(2016); Suwarnee, (2006) telah juga melihat kesediaan guru-guru terhadap penggunaan ICT dari segi fasiliti komputer. Hasil kajiannya mendapati sikap guru terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi, guru bersikap positif terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain dapat menjimatkan masa pencarian maklumat melalui internet hanya mengambil masa beberapa minit berbanding dengan pencarian secara manual di perpustakaan, penggunaan internet oleh guru dalam mata pelajaran yang diajarnya menghasilkan kepelbagaian corak pengajaran, misalnya pengajaran secara simulasi yang membolehkan murid melihat dan merasai seperti situasi yang sebenar.

Dalam projek ini, 10,000 sekolah di seluruh Malaysia akan dilengkapi akses Internet berkelajuan tinggi dan platform pembelajaran maya yang mengaplikasikan jaringan Internet berkelajuan tinggi serta akses kepada penyelesaian pendidikan bersepadu bertaraf dunia. Visi 1BestariNet adalah mengubah platform pendidikan di Malaysia serta merapatkan jurang digital antara murid kawasan bandar dan luar bandar dengan menyediakan pendidikan berteras Internet yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia. Inisiatif kerajaan ini bakal menjadikan Malaysia negara pertama di dunia yang dilengkapi akses Internet mudah alih 4G dan VLE sedia ada di semua sekolah seluruh Malaysia. (FrogAsia, 2013).

Kajian ini berfaedah kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan kerana kajian ini memberikan ruang kepada pihak bertanggungjawab untuk melihat tahap kesediaan guru dan

penggunaan dalam pelaksanaan VLE 1BestariNet di sekolah. Pelaksanaan VLE 1BestariNet di Malaysia masih dalam peringkat awal yakni 5 tahun pelaksanaan (2012 sehingga kini) dan masih belum memperlihatkan keberkesanan menyeluruh dalam pelaksanaannya. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak KPM dan 1BestariNet pada tahun 2016, perkhidmatan VLE 1BestariNet meliputi 2/3 daripada kos pelaksanaan berbanding perkhidmatan rangkaian yang meliputi 1/3 kos pelaksanaan. Namun begitu, dapatan laporan penggunaan jalur lebar menunjukkan penggunaan yang tinggi berbanding penggunaan pelantar VLE 1BestariNet. Dapatan laporan ini juga menyatakan penggunaan ini berkurangan adalah disebabkan oleh kurangnya peranti komunikasi, kurang ilmu dan kemahiran yang rendah dalam kalangan guru dan capaian penggunaan yang rendah. Mahizer & Mohd Ali, 2016; Wang, Han, & Yang, 2015; turut menjelaskan, interaksi semua pihak perlu seimbang dan adil peranannya dalam menjayakan sesuatu sistem atau perubahan. Perkembangan teknologi kini yang begitu dinamik dan kepelbagaian fungsi (Mahizer & Mohd Ali, 2016; Kong et al., 2014), seharusnya menjadi pemangkin kepada proses transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Oleh itu, pihak KPM perlu lebih proaktif dalam memastikan kesediaan dan penggunaan VLE1BestariNet berada pada tahap yang optimum.

### **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan dan ucapan teima kasih saya tujukan khas kepada Dr. Haji Hasmadi bin Hassan diatas segala ilmu dan budi yang telah dicurahkan dalam menyiapkan kajian ini.

## RUJUKAN

- Bahagian Teknologi Pendidikan (2013). *Modul Pembangunan Laman Pengajaran Dan Pembelajaran Pdp Untuk Persekitaran Maya*.BTP KPM
- Habib Mat Som, & Syed Kamaruzaman Syed Ali, (2011). *Komitmen guru dalam pelaksanaan kurikulum dan inovasi berkesan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Laporan audit 2013*.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Dasar Pendidikan Kebangsaan (2013)*. Giga Wise Network Sdn Bhd
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) *Soalan Lazim Pelan Data Guru Ibestarinet* Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Azli, Kung Teck Wong & Noraini Mohamed Noh (2016). *Pembelajaran Teradun: Satu tinjauan literatur terhadap faktorfaktor penerimaan guru melalui model-model penerimaan*. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education Vol. 6, No. 1, June 2016, 67-85
- Mahizer Hamzah & Mohd Ali Yeop (2016). *Frog VLE (persekitaran pembelajaran maya) dalam pengajaran dan pembelajaran: Penerimaan dan kaedah pelaksanaannya\*\* [Frog VLE (virtual learning) in teaching and learning: Acceptance and its implementation]*: Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education Vol. 6, No. 2, December 2016, 67-77
- Noor Erma Binti Abu & Leong Kwan Eu (2014). *Hubungan Antara Sikap, Minat Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik - Januari 2014, Bil. 2 Isu 1.
- Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid, Noraini( 2010). *Pengintegrasian Blended Learning dalam Pembelajaran Persekitaran Maya Frog (VLEFROG)*.Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid, Noraini( 2015). *Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE-FROG) Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia: Pelaksanaan Dan Cabaran*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara kali ke-5
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Parwazalam Abdul Rauf & Norkhalid Salimin (2018) *Hubungan Antara Pengalaman Mengajar Dan Perancangan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4*. International Journal Of Education, Psychology And Counseling
- Ummu Salma Mohiddin & Fariza Khalid (2014)*Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Rendah Dalam Penggunaan Vle-Frog Untuk Pengajaran & Pembelajaran*. The 4th International Conference On Learner Diversity (Iceland 2014) Education For Diverse Learners